

# PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2022 SR. HARITH FADZILAH BIN ABD KHALID PENGARAH POLITEKNIK SEBERANG PERAI

5 JANUARI 2022 • RABU



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan Rahmatnya kita masih diizinkan untuk bernafas sehingga saat ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada seluruh warga PSP.

Warga PSP Yang Dikasihi,

## **Imbasan 2021**

Jika diimbas kembali pengalaman tahun 2021, banyak mengajar dan memberikan pengalaman baharu kepada kehidupan norma baharu, antaranya:

- Pandemik Covid-19 yang belum berakhir sejak 2020 lagi
- Jumlah mangsa yang dijangkiti virus tersebut kian meningkat
- Proses pengebumian diuruskan oleh Pihak Hospital dan tidak dapat ditemani walau keluarga terdekat
- Kepayahan hidup apabila di kuarantin dan pergerakan terbatas
- Pengajaran dan Pembelajaran terpaksa dilaksanakan secara dalam talian dan tiada aktiviti bersemuka kecuali untuk kes-kes tertentu (amali) yang memerlukan kehadiran fizikal dengan berpandukan SOP yang ketat
- Urusan kehidupan harian yang terbatas - Hanya sektor yang berkeperluan sahaja dibuka namun terhad
- Amalan bekerja juga berubah kepada norma baharu dan kebanyakannya secara dalam talian

Pada penghujung tahun 2021, dengan pandemik Covid-19 yang belum berakhir, kita diuji sekali lagi dengan ujian bencana banjir yang amat luar biasa dan ia telah melenyapkan nyawa, harta benda dalam sekelip mata. Antara kita, ada saudara mara, rakan taulan serta pelajar yang terkesan dengan ujian ini.

Adakah kita masih lagi leka? Tidakkah kita sedari, ini semua adalah teguran dan peringatan kepada kita semua daripada Pemilik Alam agar sentiasa prihatin dengan alam sekitar dan insan-insan yang berada di sekeliling kita. Pengalaman ini mengajar kita untuk sentiasa bersedia, berfikiran kreatif dan lebih matang serta pantas dalam tindakan. Masa tidak akan menunggu kita jadi kita yang harus bijak menguruskannya. Banyak ilmu dan perkara baharu yang perlu diterokai agar kita dapat berfikir dengan bijak dan bertindak sewajarnya berpandukan peraturan yang ditetapkan.

Alhamdulillah, warga PSP telah dapat menyesuaikan diri dan melaluinya tempoh sukar ini dengan tenang dan jayanya. Terima kasih kepada tuan/puan semua yang telah memberikan kerjasama padu dan sepakat dalam setiap tindakan.

Warga PSP Yang Dikasihi,

### **Harapan Tahun 2022**

Kini, kita telah melangkah ke tahun baharu 2022. Satu lagi ruang dan peluang baharu dalam kehidupan yang dikurniakan kepada kita. Justeru,

- ➡ Apakah Perancangan Kita?
- ➡ Apakah Persediaan Kita?
- ➡ Apakah Yang Akan Berlaku di hadapan Kita?
- ➡ Adakah Kita Ingin Berubah atau masih kekal selesa?

Sudah pasti dengan apa yang telah kita harungi, tentunya kita lebih bersedia ke arah perubahan yang lebih baik, bukan?

Dalam usaha kita untuk melonjakkan kecemerlangan, janganlah kita lupa dengan tuntutan agama. Segala tindakan perlulah berlandaskan syariah supaya kita tidak terpesong daripada landasan yang benar dan sentiasa berpekerti mulia agar diri dihormati seperti kata-kata Saidina Umar Al Khattab,

***"Mahkota Seseorang Adalah Akalnya. Darjat Seseorang Adalah Agamanya. Sedangkan Kehormatan Seseorang Adalah Budi Pekertinya."***

Saya ingin mengajak tuan/puan semua bersama-sama saya sebagai satu pasukan dalam usaha menjadikan PSP institusi TVET yang cemerlang pada tahun ini. Kita lonjakkan kecemerlangan PSP pada kedudukan yang lebih dihormati kepada kawan dan lawan dalam TVET ini.

Warga PSP Yang Dikasihi,

Seperti yang kita sedia maklum, di kala pandemik ini banyak perkara telah dihadkan dan terbatas dan perlu mengikut SOP yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tugas dan amanah dalam memastikan pencapaian dan kecemerlangan PSP perlu diberi perhatian. Antaranya adalah:

- ➔ Pencapaian KPI Persist Tahun 2022
- ➔ Pencapaian KPI Teras Strategik Tahun 2022
- ➔ Pencapaian Objektif Kualiti Tahun 2022
- ➔ Pencapaian Pelaksanaan Prosedur-prosedur Kerja Mengikut KPI Yang Ditetapkan

Selain itu, kecemerlangan pelajar dalam aspek akademik, sahsiah, kemahiran tambahan harus kita teruskan sebagai persiapan kepada mereka dalam memasuki alam pekerjaan pada masa hadapan. Kita perlu membantu pelajar kita agar menjadi rebutan industri, graduan yang diyakini dan mereka betul-betul memanfaatkan dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari bukan sahaja dalam kehidupan seharian malah juga mereka dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Dengan ini, PSP akan berjaya mencapai TERAS STRATEGI utama PSP iaitu menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Secara tidak langsung, ia juga menjadikan PSP sebagai salah sebuah institusi yang menjadi penyumbang tenaga kerja dalam bidang TVET untuk negara.

Bagi merealisasikan hasrat ini, peningkatan kemahiran dan kompetensi pensyarah juga sangat signifikan. Pensyarah perlu dilengkapi dengan kemahiran tambahan seperti menghadiri kursus/ seminar/ bengkel peningkatan kompetensi diri (walau secara maya), sangkutan dengan industri, sijil kemahiran professional dan sebagainya. Begitu juga staf sokongan perlu mempertingkatkan ilmu serta pengalaman bagi peningkatan perkembangan kerjaya masing-masing.

Saya ingin menyeru kepada semua jabatan dan unit bagi mencari ruang dan peluang, menggunakan kreativiti yang ada untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada warga PSP khususnya kepada para pelajar. Ciptalah kejayaan dan kecemerlangan berterusan dengan pelbagai cara yang dirancang agar PSP akan terus cemerlang bersama rakan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Warga PSP Yang Dikasihi,

Pengalaman dan kejayaan tahun 2021, termasuklah dalam aspek akreditasi atau Pengauditan Program dan Institusi, kejayaan pencapaian akademik dan kebolehpasaran graduan yang cemerlang, kejayaan dan kecemerlangan dalam pertandingan yang disertai dan program yang dianjurkan, peningkatan inovasi, penyelidikan dan kemahiran dalam kalangan pensyarah dan pelajar serta komitmen yang tinggi oleh semua staf akademik dan sokongan boleh dijadikan kayu ukur untuk kita lebih cemerlang untuk tahun ini.

Bagi merealisasikan semua ini, kita semua perlu mengamati pesanan-pesanan penting penekanan yang telah saya sampaikan dalam perhimpunan bulanan sepanjang tahun 2021. Antaranya adalah elakkan amalan buruk rasuah, integriti dalam kalangan penjawat awam, keseronokan bekerja, sifat empati sesama kita dan pelajar, mengamalkan tonggak 12, jangan berprasangka, visi dan misi perlu jelas, beristiqomah dalam usaha yang dijalankan, amanah dalam menjalankan tugas serta amalan kerja berpasukan, insyaAllah PSP boleh menempa kejayaan yang lebih cemerlang!

Janganlah kita lupa dan alpa, dengan meningkatnya usia kita, amalan diri kita juga perlu dipertingkatkan kerana kita tidak tahu detik waktu nyawa kita akan diangkat. Justeru, marilah kita bersama-sama mengambil iktibar daripada kata-kata Saidina Abu Bakar ini,

***"Hidup akan berlalu, namun kematian sangatlah dekat"***

Kita perlu membuat persiapan sebaiknya sebagai bekalan akhirat kita kerana darjat kita di sisi tuhan adalah amalan kita bukan nama, pangkat, wang ringgit atau harta benda.

Akhlak dan budi pekerti yang terpuji adalah cerminan diri kita di mata masyarakat. Bersama-samalah kita memperbaiki diri ke arah insan yang berbudi pekerti dan berakhlak mulia yang lebih baik agar dihormati masyarakat. Sabda Nabi S.A.W.

***"Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan amal seorang mukmin pada hari kiamat, daripada akhlak terpuji. Sungguh Allah benci terhadap orang yang keji perkataan dan kotor perbuatannya,"***

*(Abu Darda Radhiyallahu Anhu)*

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dapat bersama-sama warga PSP komited dengan tugas yang diamanahkan beserta dengan semangat kerja berpasukan yang tinggi, SYABAS!

Sebelum saya akhiri ucapan ini, sentiasa memperingati diri bahawa usaha-usaha murni kita ini dinilai oleh Allah SWT. InsyaAllah ada ganjarannya di akhirat kelak. Baik di mata manusia tidak penting, yang penting terbaik di sisi Allah S.W.T.

Kita ambil peringatan daripada firman Allah SWT, ayat 7 dan 8, Surah Al-Zalzalah:

***"Maka barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrah niscaya dia akan melihatnya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat dzarrah sekalipun, niscaya dia akan melihatnya pula."***

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.